TATACARA

PEMPROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) PERINGKAT NEGERI SELANGOR

EDISI 2

NOVEMBER 2020

PLANMalaysia@Selangor
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor)

TATACARA PEMPROSESAN

LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA)

DI PERINGKAT NEGERI SELANGOR

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) (PINDAAN) 2017 [AKTA A1522]

EDISI 2
NOVEMBER 2020

Berpandukan Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (Edisi Ke-2), 2018

PLANMalaysia@Selangor

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR)

Tingkat 15-18, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor,
Bangunan Darul Ehsan, 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
www.jpbdselangor.gov.my

PERKARA	MUKA SURAT
ISI KANDUNGAN	i
SENARAI JADUAL	ii
SENARAI RAJAH	ii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Tujuan	1
1.2 Definisi Penilaian Impak Sosial (SIA)	1
1.3 Prinsip Dalam SIA	2
1.4 Faedah SIA	3
1.5 Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA)	4
1.6 Pihak Menyedia dan Mengemukakan Laporan SIA	4
2.0 KRONOLOGI PENERIMAAN, PEMAKAIAN SERTA PEWARTAAN AKTA A1522 DI PERINGKAT NEGERI SELANGOR	5
3.0 KATEGORI SIA	7
3.1 SIA Kategori 1	7
3.2 SIA Kategori 2	9
3.3 SIA Kategori 3	10
4.0 PENILAIAN LAPORAN SIA	13
4.1 Panel Penilai Laporan	13
5.0 PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN ULASAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) DI PERINGKAT PLANMALAYSIA@SELANGOR	17
5.1 Prosedur Penilaian SIA (Kategori 3)	17
6.0 PENUTUP	24

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 1.1 : Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 1	7
Jadual 1.2 : Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 2	9
Jadual 1.3 : Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 3	11
Jadual 1.4 : Ahli Jawatankuasa Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Persekutuan	13
Jadual 1.5 : Ahli Jawatankuasa Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Negeri Selangor	14

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1 : Prosedur Penilaian Laporan SIA (Kategori 1 dan Kategori 2)	15
Rajah 1.2 : Prosedur Penilaian Laporan SIA (Kategori 3)	16

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

Buku Panduan ini disediakan bagi menjelaskan tatacara pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) di peringkat Negeri Selangor selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) (Pindaan) 2017 (Akta A1522). Ia juga sebagai panduan kepada penggerak projek dan perunding SIA di dalam penyediaan laporan SIA supaya laporan yang disediakan berkualiti dan dapat membantu proses membuat keputusan yang berkesan, serta mengurus isu-isu sosial yang terhasil daripada sesuatu projek pembangunan.

Kandungan buku panduan ini merangkumi aspek-aspek fungsi, peranan, kronologi penerimaan, pemakaian serta pewartaan Akta A1522, keanggotaan Panel Penilai Laporan Penilaian Impak Sosial *(SIA),* dan tatacara pemprosesan laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) di peringkat Negeri Selangor.

Hampir keseluruhan maklumat di dalam buku panduan ini menggunakan maklumat di dalam 'Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan Edisi ke-2, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) 2018. Oleh itu, dalam menyediakan Laporan SIA oleh penggerak projek hendaklah berpandukan kepada manual tersebut.

1.2 Definisi Penilaian Impak Sosial (SIA)

SIA didefinisikan sebagai satu proses menganalisis, memantau dan mengurus impak sosial yang dijangka berlaku atau yang tidak terjangka sama ada impak positif atau negatif, ke atas sesuatu langkah intervensi (dasar, program, pelan dan projek) dan apa-apa proses perubahan sosial yang terhasil daripada langkah intervensi tersebut.

(The International Principles for Social Impact Assessment, 2015).

1.3 Prinsip Dalam SIA

Prinsip-prinsip utama di dalam menyediakan laporan SIA adalah seperti berikut:

1. Kesaksamaan dijadikan sebagai asas pertimbangan dan perancangan pembangunan.
2. Kebanyakan impak sosial dapat dijangkakan dan diurus.
3. Sebarang cadangan pembangunan boleh diubah bagi mengurangkan impak sosial negatif dan meningkatkan impak positif.
4. SIA hendaklah menjadi komponen penting di dalam proses pembangunan dan melibatkan semua peringkat dari peringkat awal sehingga peringkat audit susulan.
5. Perlu ada fokus kepada kemampanan sosial di mana dengan adanya SIA dapat menyumbang kepada penentuan opsyen pembangunan yang optimum.
6. Di dalam cadangan pembangunan dan penilaian yang dilaksanakan, faktor pengukuhan modal insan bagi komuniti setempat dan prosesproses demokrasi perlu dititikberatkan.
7. Bagi sebarang cadangan pembangunan yang mempunyai impak yang tidak dapat dielakkan, langkah bersesuaian perlu dikenal pasti bagi memastikan komuniti terjejas mendapat manfaat.
8. SIA hendaklah mengambil kira alternatif-alternatif bagi cadangan pembangunan, terutamanya pembangunan yang melibatkan impak yang tidak dapat dielakkan.
9. Pertimbangan sepenuhnya hendaklah diberi kepada langkah mitigasi impak sosial dan alam sekitar, walaupun komuniti setempat bersetuju dengan cadangan pembangunan yang telah dirancang.
10. Pengetahuan dan pengalaman serta perbezaan nilai budaya setempat hendaklah diterapkan di dalam penilaian yang dijalankan.
11. Tiada keganasan, gangguan, ugutan dan paksaan di dalam penilaian atau pelaksanaan projek.

(The International Principles for Social Impact Assessment, 2015).

1.4 Faedah SIA

Faedah-faedah yang boleh diperolehi hasil daripada penyediaan SIA adalah seperti berikut:

1. Kesaksamaan sosial dan ekuiti.
2. Penerimaan masyarakat terhadap projek pembangunan.
3. Memaksimumkan faedah-faedah sosio ekonomi dan meminimumkan kos.
4. Mempertingkatkan keberkesanan projek melalui pengetahuan dan pengalaman tempatan.
5. Membangunkan kapasiti masyarakat.
6. Melindungi golongan mudah terjejas *(vulnerable group).*

Faedah-faedah menjalankan SIA kepada pihak kerajaan, masyarakat dan sektor swasta adalah seperti berikut:

a) Kerajaan

1. Dasar inklusif kerajaan dapat dilaksanakan di mana semua golongan dapat menikmati hasil kemakmuran negara melalui kaedah SIA.
2. Proses membuat keputusan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berasaskan maklumat dan analisis yang telah dibuat.

b) Masyarakat

1. Sebagai kaedah melaksanakan Pembangunan Sosial iaitu meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat.
2. Pandangan serta aspirasi masyarakat dijadikan input yang penting di dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan melalui penyertaan awam yang berkesan.

c) Sektor Swasta

1. Projek dapat berjalan lancar tanpa ada gangguan.
2. Mencegah kesilapan dan kos luar jangka yang perlu ditanggung.

Penyediaan Laporan SIA adalah untuk memberi fokus kepada kemampanan sosial, ianya juga bertujuan ke arah memupuk penggerak projek untuk menjadi **rakan kepada komuniti** di dalam menerapkan perubahan sosial positif bagi meningkatkan kesejahteraan sesuatu komuniti khususnya mereka yang **terpinggir, terabai** dan **kumpulan yang kurang bernasib baik** di dalam komuniti.

SIA di peringkat projek pembangunan merupakan satu alat membuat keputusan yang berkesan bagi memastikan isu-isu sosial dapat ditangani, yang meliputi impak sosial dan proses perubahan sosial yang terhasil daripada sesuatu projek pembangunan.

1.5 Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA)

Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Khusus yang disediakan perlulah selaras dengan **Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan Edisi Kedua**. Laporan ini juga perlu disediakan di dalam **Bahasa Melayu** yang mana merupakan bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran kerajaan Negeri Selangor.

1.6 Pihak Menyedia Dan Mengemukakan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA)

Orang yang berkelayakan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk kebenaran merancang di bawah Akta 172 adalah sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 21C Akta 172. Orang yang berkelayakan menyediakan Laporan SIA adalah oleh **Perancang Bandar berdaftar**. Perancang Bandar berdaftar adalah orang yang berkelayakan dan diiktiraf oleh Lembaga Perancang Bandar Malaysia untuk menjalankan amalan perancangan bandar dan desa di negara ini.

2.0 KRONOLOGI PENERIMAAN, PEMAKAIAN SERTA PEWARTAAN AKTA A1522 DI PERINGKAT NEGERI SELANGOR

1. Kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPN) : Akta A1522 dan Pemakaian Manual Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan Edisi Ke-2

Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 4/2017 yang bersidang pada **23 Oktober 2017** telah **bersetuju** terhadap penerimapakaian dan pewartaan Akta A1522 di Negeri Selangor.

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 2/2018 **bersetuju** terhadap penerimaan dan pemakaian **Manual Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan Edisi Ke-2** di peringkat Negeri Selangor dengan syarat PLANMalaysia@Selangor bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor dimohon menetapkan saiz atau keluasan pembangunan bagi semua ciri-ciri pembangunan di Jadual 1.3 Contoh Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 3.

2. Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN)

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 7/2018 pada 7 Mac 2018 telah menimbangkan dan **meluluskan** penerimaan, pemakaian serta pewartaan Akta A1522 di peringkat Negeri Selangor berkuat kuasa pada **1 Januari 2019**. Akta ini telah **diwartakan** pada **1 Mac 2019**.

3. Kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPN) : Pemakaian Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Selangor Edisi 1

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 3/2019 yang bersidang pada 20 Ogos 2019 **bersetuju** terhadap penerimaan dan pemakaian Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Selangor Edisi 1.

4. Kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPN) : Pindaan Jadual Kategori 3 Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Selangor Edisi 1

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 3/2020 yang bersidang pada 23 Oktober 2020 **bersetuju** terhadap pindaan Jadual Kategori 3 di dalam Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Selangor Edisi 1.

3.0 KATEGORI SIA

Terdapat tiga (3) kategori SIA seperti berikut:-

3.1 SIA Kategori 1

SIA Kategori 1 meliputi projek pembangunan di bawah seksyen 20B Akta 172, yang perlu mendapatkan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) terlebih dahulu, di mana cadangan pemajuan berserta laporan SIA hendaklah dikemukakan kepada MPFN. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Akta 172 : Permohonan Cadangan Pemajuan Di Bawah Seksyen 20B, Akta 172 (PPA 14), SIA Kategori 1 adalah bagi pemajuan seperti berikut:

Jadual 1.1 : Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 1

Bil.	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
1.	**PENEBUSGUNAAN PINGGIR LAUT**		
	a. Penebusgunaan pinggir laut	Penebusgunaan pinggir laut, termasuk pulau buatan.	• Yang meliputi 50 hektar atau lebih; • Tidak termasuk penebusgunaan untuk pembinaan jeti atau pemulihan pantai (oleh JPS).
2.	**INFRASTRUKTUR UTAMA NEGARA**		
	a. Lapangan Terbang	i. Lapangan terbang Antarabangsa; ii. Lapangan Terbang Domestik; iii. Lapangan Terbang Tentera.	• Melibatkan lapangan terbang penumpang dan kargo; • Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada, atau pembinaan landasan terbang baru, yang melibatkan pengambilan balik tanah.
	b. Pelabuhan Laut	i. Pelabuhan Nasional; ii. Pelabuhan Wilayah; iii. Pelabuhan negeri-yang terletak di sempadan negeri; iv. Pangkalan Tentera Laut.	• Merangkumi pelabuhan penumpang dan kargo; • Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada; • Tidak termasuk jeti penumpang/nelayan/ APMM/Polis Marin.
	c. Pelabuhan Darat	Pelabuhan Darat	• Semua pelabuhan darat ; dan • Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada.

Sambungan…..

Bil.	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
	d. Rangkaian Pengangkutan Kereta Api.	Landasan dan stesen kereta api.	• Melibatkan kereta api penumpang dan barang; • Termasuklah kereta api laju, kereta api antara bandar; • Melibatkan landasan yang merentasi 2 negeri atau lebih; dan • Projek menaik taraf yang melibatkan pembinaan landasan baru yang melibatkan pengambilan balik tanah.
	e. Lebuh Raya	i. Lebuh raya ekspres *(Expressway);* dan ii. Lebuh raya *(highway).*	• *Expressway* dan *highway* adalah seperti mana diklasifikasikan oleh JKR dan LLM; • Lebuhraya hendaklah merentasi 2 negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih; • Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan pengambilan balik tanah.
	f. Stesen Jana Kuasa	i. Loji dan stesen jana kuasa	• Semua loji dan stesen jana kuasa nuklear; • Loji dan stesen jana kuasa yang membekalkan kuasa kepada dua (2) negeri atau lebih (termasuk solar/*wind farm*); dan • Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan pengambilan balik tanah.
	g. Empangan	i. Empangan bekalan air; ii. Empangan hidroelektrik; iii. Empangan pengairan.	• Melibatkan pembinaan empangan atau kolam takungan air dengan kawasan pembukaan seluas 100 hektar atau lebih; dan • Projek menaik taraf empangan yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada yang melibatkan pengambilan balik tanah.
	h. Tapak Pembuangan Sisa Toksik	i. Tapak Pembuangan Sisa Toksik	• Semua tapak pembunagan sisa toksik; dan • Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada yang melibatkan pengambilan balik tanah.
3.	**INFRASTRUKTUR LAIN YANG BERKEPENTINGAN NEGARA**		
	• Akan ditentukan oleh MPFN dari semasa ke semasa, dengan tumpuan kepada: - Infrastruktur yang merentasi 2 negeri atau lebih; dan - Infrastruktur yang melibatkan tadahan penduduk 2 negeri atau lebih.		

3.2 SIA Kategori 2

SIA Kategori 2 meliputi projek pembangunan di bawah subseksyen 22(2A), Akta 172 yang juga hendaklah dirujuk kepada MPFN untuk nasihat. Memandangkan projek-projek di bawah subseksyen 22(2A) adalah berskala besar dan mempunyai impak yang tinggi, maka laporan SIA hendaklah disediakan. Bagi SIA Kategori 2, Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) hendaklah mengemukakan cadangan pemajuan kepada MPFN berserta dengan laporan SIA. SIA Kategori 2 adalah bagi pemajuan seperti berikut:

Jadual 1.2 : Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 2

Bil.	KATEGORI	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
1.	**PERBANDARAN BARU**	
	a. Perbandaran Baru	• Melebihi keluasan 100 hektar atau bilangan penduduk melebihi 10,000 orang; dan • Mengakibatkan penempatan semula komuniti sedia ada.
2.	**INFRASTRUKTUR UTAMA NEGARA (OLEH PIHAK SWASTA)**	
	a. Lapangan Terbang (termasuk *short take off landing ports* (*STOLports*) Swasta)	• Infrastruktur utama selain daripada yang termasuk di bawah SIA kategori 1; dan • Infrastruktur yang dicadangkan di dalam kawasan *sensitive receptor* yang menimbulkan impak sosial ketara.
	b. Pelabuhan Laut (termasuk terminal kontena swasta)	
	c. Landasan Kereta Api dan Lebuh Raya (termasuk *dedicated rail* dan lebuh raya swasta)	
	d. Empangan, dan stesen jana kuasa	

Sambungan…..

Bil.	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
3.	**PEMBANGUNAN DI PUNCAK ATAU LERENG BUKIT**		
	a. Kawasan puncak atau lereng bukit.		• Pembangunan seperti mana Panduan Pelaksanaan Akta 172 : Permohonan Cadangan Pemajuan Di Bawah Peranggan 22(2A)(c), Akta 172 (PPA 13) melibatkan : - Keluasan ≥ 20 Hektar - Kawasan pembangunan merupakan kawasan yang mempunyai lebih dari 50% kawasan berkecerunan 25˚; dan - Cadangan pembangunan yang berdensiti tinggi iaitu ≥ 40 unit per ekar (100 unit per hektar) bagi cadangan peruhaman dan ≥ 1:4 nisbah plot bagi perniagaan.

3.3 SIA Kategori 3

SIA Kategori 3 meliputi projek-projek yang akan ditentukan oleh PLANMalaysia@Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa. Umumnya SIA Kategori 3 meliputi projek-projek selain daripada yang di bawah SIA Kategori 1 dan SIA Kategori 2, tetapi dikenalpasti oleh PLANMalaysia@Negeri atau PBT mempunyai impak sosial yang ketara, dan tidak mencukupi untuk hanya dipertimbangkan melalui Laporan Cadangan Pemajuan yang disediakan di bawah perenggan 21A(1)(ea), Akta A1522. Oleh itu, bagi **projek-projek pembangunan sedemikian, laporan SIA perlu disediakan dan dinilai secara berasingan.**

Impak Sosial Ketara didefinisikan sebagai impak sosial negatif yang dikenalpasti mempunyai kesan nyata, boleh dijangka dan berlaku secara langsung. Kesan ketara dari impak sosial yang dijangka berlaku memerlukan strategi mitigasi dan pengurusan impak serta langkah-langkah pelaksanaan yang komprehensif.

Jadual 1.3 : Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 3

BIL.	KATEGORI	ASPEK PENILAIAN KUANTITATIF	ASPEK PENILAIAN KUALITATIF
1.	**Perumahan** i. Kediaman ii. Pusat Penempatan Pekerja (*Centralized labour Quaters* :CLQ)	• ≥ 1250 unit • CLQ : ≥ 500 orang pekerja	• Pembinaan baru termasuk projek menaiktaraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada. • CLQ : Projek berasingan yang tidak termasuk dengan pembangunan keseluruhan.
2.	**Perdagangan/Komersial** i. Taman Tema ii. IPTS iii. Sekolah Swasta iv. Service Apartment v. SOHO vi. Tapak Perkuburan Swasta: • Krematorium • Kolumbarium • *Funeral Parlour* (Swasta)	• IPTS : ≥ 25 ekar • Sekolah Swasta : ≥ 10 ekar • Service Apartment / SOHO : ≥ 1000 unit	• Pembinaan baru termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada. • Taman tema : Pusat Hiburan, Kasino berskala besar, Safari Hiburan, Rekreasi Air, Permainan *Extreme*, *Under Waterworld, Petting Farm*) • Tempat Pengurusan Adat Istiadat Swasta *(stand alone building)*
3.	**Perindustrian** i. Taman Perindustrian Utama/Baru ii. Perlombongan & Pengkuarian iii. Loji dan Pusat Penapisan Minyak dan Gas	• Taman Perindustrian Baru ≥ 100 ekar • Semua jenis perlombongan dan pengkuarian • Semua jenis Loji dan Pusat Penapisan Minyak dan Gas	• Semua jenis perlombongan yang mengemukakan Kebenaran Merancang untuk kelulusan • Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh terjejas kualiti hidupnya dan menimbulkan kacau ganggu dari segi pencemaran, kesesakan lalulintas, sensitiviti yang memberi impak kepada golongan tertentu, termasuk pendedahan kepada keselamatan dan bahaya dan lain-lain yang boleh menimbulkan impak sosial yang negatif.

Sambungan…..

BIL.	KATEGORI	ASPEK PENILAIAN KUANTITATIF	ASPEK PENILAIAN KUALITATIF
4.	**Pertanian** i. Penternakan berskala besar ii. Akuakultur	• Penternakan ≥ 10 ekar • Akuakultur ≥ 10 ekar • Jarak kurang dari 500 meter dengan penerimaan sensitif *(sensitive receptor)*	• Semua jenis penternakan dan projek akuakultur yang mengemukakan Kebenaran Merancang untuk kelulusan
5.	**Kemudahan Masyarakat** i. Tapak Perkuburan Awam ii. IPTA iii. Tempat Pengurusan Adat Istiadat (Awam)	• IPTA : ≥ 25 ekar	• Pembinaan baru termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada. • Tempat Pengurusan Adat Istiadat Awam *(stand alone building)*
6.	**Infrastruktur dan Utiliti** i. *Incinerator* dan Tapak pelupusan Sisa Pepejal ii. Rentis/Rezab Utiliti iii. Stesen Pengangkutan/ Laluan Pengangkutan Rel	• Semua jenis stesen Pengangkutan / Laluan Pengangkutan Rel	• *Incinerator* dan Tapak pelupusan Sisa Pepejal : mengikut saiz seperti di Garis Panduan • Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh terjejas kualiti hidupnya dan menimbulkan kacau ganggu dari segi pencemaran, kesesakan lalulintas, sensitiviti yang memberi impak kepada golongan tertentu, termasuk pendedahan kepada keselamatan dan bahaya dan lain-lain yang boleh menimbulkan impak sosial yang negatif.
7.	• Lain-lain projek pembangunan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui arahan rasmi dari semasa ke semasa. • Lain-lain projek pembangunan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa.		

4.0 PENILAIAN LAPORAN SIA

4.1 Panel Penilai Laporan

Bagi menilai laporan SIA di bawah SIA Kategori 1 dan SIA Kategori 2 yang telah disediakan oleh perunding SIA, Panel Penilai Laporan SIA di peringkat PLANMalaysia telah ditubuhkan. Panel ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia, dan sekiranya perlu penurunan kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah boleh dibuat dengan persetujuan Ketua Pengarah PLANMalaysia.

Panel ini terdiri daripada beberapa agensi di peringkat persekutuan, PLANMalaysia@Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan, serta ahli pakar yang dilantik yang terdiri daripada *Malaysian Institute of Planner* (MIP), *Malaysian Association of Social Impact Assessment* (MSIA) dan ahli akademik **(Rujuk jadual 1.4).**

Jadual 1.4 : Ahli Jawatankuasa Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Persekutuan

PENGERUSI	**Ketua Pengarah PLANMalaysia**
AHLI TETAP	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM);
	Unit Perancang Ekonomi (EPU) (Seksyen Sosial);
	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM;
	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
	PLANMalaysia@Negeri berkaitan;
	PBT berkaitan;
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MIP);
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MSIA);
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil dari bidang akademik).
AHLI TURUT HADIR	Kementerian dan agensi berkaitan peringkat persekutuan
	Agensi berkaitan peringkat negeri/tempatan
	PLANMalaysia – Ahli yang dilantik
	NGO yang berkaitan
URUSETIA	**PLANMalaysia**

Bagi menilai laporan SIA yang melibatkan SIA Kategori 3 pula, Panel Penilai Laporan SIA dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Negeri. Panel ini terdiri daripada beberapa agensi di peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan ahli pakar yang dilantik terdiri daripada ahli pakar perancang bandar, ahli pakar sosial dan ahli pakar berkaitan teknik dan metodologi. **(Rujuk jadual 1.5).**

Jadual 1.5 : Ahli Jawatankuasa Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Negeri Selangor

PENGERUSI	**Pengarah PLANMalaysia@Selangor**
AHLI TETAP	Unit Perancang Ekonomi (UPEN);
	Pejabat Pembangunan Negeri (SDO);
	Jabatan Kebajikan Masyarakat;
	PBT berkaitan;
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MIP);
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MSIA);
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil dari bidang akademik).
AHLI TURUT HADIR	Kementerian dan agensi berkaitan peringkat persekutuan
	Agensi berkaitan peringkat negeri/tempatan
	PLANMalaysia – Ahli yang dilantik
	NGO yang berkaitan
URUSETIA	**PLANMalaysia@Selangor**

Antara Fungsi Panel Penilai Laporan SIA adalah :-

1. Meluluskan laporan SIA sama ada **Lulus Sepenuhnya** atau **Lulus Dengan Pindaan** atau **Menolak** laporan SIA;
2. Memberi input-input kepakaran bagi menambahbaik laporan SIA;
3. Memastikan kandungan laporan SIA menepati kehendak Manual SIA Bagi Projek Pembangunan (Edisi Ke-2); dan
4. Memastikan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) adalah menyeluruh dan berkesan.

Rajah 1.1 : Prosedur Penilaian Laporan SIA Kategori 1 dan Kategori 2



*Laporan SIA akan dikemukakan kepada Ahli Panel & PLANMalaysia@Negeri bagi membolehkan PLANMalaysia@Negeri melaksanakan rundingan di peringkat negeri dalam tempoh masa tiga (3) minggu.

Rajah 1.2 : Prosedur Penilaian Laporan SIA Kategori 3



* Permohonan rayuan bagi pengecualian keperluan menyediakan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) – perlu mengemukakan laporan justifikasi/Laporan Eksekutif yang akan dibincangkan di peringkat dalaman Jabatan ; syor kepada mesyuarat Panel Penilai SIA dalam tempoh 2 minggu.

5.0 PROSEDUR KELULUSAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) DI PERINGKAT PLANMALAYSIA@SELANGOR

5.1 Prosedur Penilaian SIA (Kategori 3)

1. **Pra Perbincangan Berkenaan Cadangan Pembangunan**

   Pemohon perlu membuat pra perbincangan bersama urusetia SIA PLANMalaysia@Selangor/PBT berkenaan keperluan penyediaan Laporan SIA bagi cadangan pembangunan terlebih dahulu. Sama ada cadangan pembangunan tersebut perlu untuk menyediakan laporan SIA Khusus atau Analisis Impak Sosial (AIS) di dalam Laporan Cadangan Pemajuan (LCP).

2. **Penerimaan Laporan SIA Di Peringkat PLANMalaysia@Selangor Untuk Semakan Awalan Format Laporan.**

   Cadangan pembangunan yang telah dinasihatkan untuk menyediakan laporan SIA Khusus perlu mengemukakan laporan tersebut kepada Urusetia SIA PLANMalaysia@Selangor beserta surat ulasan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan dengan keperluan menyediakan laporan SIA Khusus. Laporan tersebut hendaklah mengandungi maklumat-maklumat yang terperinci berkenaan kawasan sekitar projek yang memberi impak ketara kepada persekitaran fizikal/manusia serta mempengaruhi kualiti hidup penerima sensitif bagi cadangan pembangunan tersebut dengan merujuk Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan (Edisi Ke-2). Pemohon hendaklah mengemukakan **tiga (3) salinan** Laporan SIA bagi setiap permohonan Ulasan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) kepada **Urusetia SIA** PLANMalaysia@Selangor untuk proses semakan format awalan Laporan SIA terlebih dahulu.

3. Permohonan Rayuan Mengecualikan Penyediaan Laporan SIA Peringkat PLANMalaysia@Selangor

Sekiranya penggerak projek/perunding SIA ingin mengemukakan permohonan rayuan bagi pengecualian keperluan menyediakan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA), penggerak projek/perunding SIA perlu mengemukakan laporan justifikasi/Laporan Eksekutif yang akan dibincangkan di peringkat dalaman Jabatan ; syor kepada mesyuarat Panel Penilai SIA dalam tempoh 2 minggu.

4. Edaran Laporan SIA Yang Lengkap Kepada Panel Penilai SIA

Setiap permohonan Ulasan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang lengkap dan memenuhi keperluan/format Manual Penyediaan Laporan SIA sahaja yang akan diedarkan kepada Panel Penilai Laporan SIA di peringkat Negeri Selangor untuk mendapatkan ulasan.

Urusetia SIA PLANMalaysia@Selangor akan memaklumkan kepada penggerak projek/perunding SIA untuk mengemukakan **15 salinan** Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) kepada PLANMalaysia@Selangor (mengikut projek) untuk diedarkan kepada panel penilai SIA bagi mendapatkan ulasan terperinci berkenaan dengan kesan impak sosial di kawasan sekitar cadangan projek yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat panel penilai laporan SIA.

5. Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA

Urusetia SIA PLANMalaysia@Selangor akan mengadakan Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA yang dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia@Selangor bagi membincangkan ulasan-ulasan teknikal yang berkaitan untuk proses kelulusan laporan SIA. Penggerak projek perlu membuat pembentangan terperinci berkenaan dengan Penilaian Impak Sosial di kawasan tapak cadangan pembangunan tersebut.

6. **Pemakluman Keputusan Mesyuarat Panel Penilai SIA Kepada Penggerak Projek/Perunding SIA**

   Panel penilai laporan SIA akan memaklumkan keputusan Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA kepada penggerak projek /perunding SIA sama ada diluluskan, diluluskan dengan pindaan atau tidak lulus (melalui surat rasmi).

7. **Pemantauan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) Kepada Penggerak Projek**

   Pelan Pengurusan Impak Sosial *(Social Impact Management Plan, SIMP)* disediakan untuk memastikan segala tindakan yang diperakukan oleh kajian SIA dijalankan dengan lancar. Pemantauan dilakukan untuk menentukan impak negatif sosial yang telah dikenalpasti dapat dikawal. Pelan Pengurusan Impak Sosial yang telah disediakan lebih awal mestilah digunakan sebagai asas pemantauan Ia adalah satu proses berterusan dan dikendalikan pada peringkat akhir pelaksanaan untuk mengukur keberkesanan pembangunan.

PLANMalaysia@Selangor

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
NEGERI SELANGOR (PLANMALAYSIA@SELANGOR)

JAWATANKUASA PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) PERINGKAT NEGERI SELANGOR

BORANG SENARAI SEMAK PERMOHONAN ULASAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA)

CADANGAN PROJEK CADANGAN PEMBANGUNAN_____

_____

_____

TETUAN :

Butir-Butir / Dokumen Yang Diperlukan Bagi Permohonan Ulasan SIA (Tandakan √ Pada Yang Berkaitan Dan *X* Pada Yang Tidak Berkaitan)		
i.	**Surat Rasmi Permohonan** - Mengandungi maklumat dokumen permohonan yang dikemukakan	
ii.	**Surat Ulasan Kebenaran Merancang** (dari Pihak Berkuasa Tempatan Terlibat) - Mengandungi ulasan keperluan menyediakan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA)	
iii.	**Pelan Susunatur (Berwarna)** Bagi Keseluruhan Kawasan Tapak Cadangan (Disertakan di dalam laporan SIA)	
iv.	**Gambar Keadaan Sedia Ada Tapak Cadangan (Berwarna)** Serta Pembangunan Sekeliling Tapak Cadangan (Disertakan di dalam laporan SIA)	
v.	Laporan / Maklumat hendaklah disediakan dalam **Bahasa Melayu**	

1. *Screening*		
i.	**SIA Kategori 1** (Subseksyen 20B(1) dan (2) Akta 172	
ii.	**SIA Kategori 2** (Subseksyen 22(2A) Akta 172	
iii.	**SIA Kategori 3** (Subseksyen 21A(1) Akta 172	

2. *Scoping*		
i.	Penentuan bidang isu untuk ditangani	

Pembolehubah IMPAK SOSIAL	
Kesihatan dan kesejahteraan sosial	
Kualiti persekitaran	
Impak ekonomi dan kesejahteraan material	
Impak budaya	
Impak keluarga dan masyarakat	
Impak institusi	
Arkeologi	
Impak penyediaan infrastruktur	
Daya tampungan dan pembangunan mampan	
Estetika dan budaya	
Kos dan faedah	

Pembolehubah PROSES PERUBAHAN SOSIAL	
Proses demografi	
Proses ekonomi:	
Proses geografi	
Proses sosio-budaya	
Proses sosial	
Proses Infrastruktur komuniti	
Proses Institusi	
Proses Alam Sekitar	

ii.	Penentuan *Stakeholders*	
iii.	Kenalpasti '*Zone of Influence' (ZOI)*	
iv.	Kenalpasti Metodologi Kajian	

3. Penentuan Data Asas		
i.	Kenalpasti dengan jelas sumber data (sumber sekunder, kajiselidik dan lawatan tapak)	
ii.	Membangunkan profil masyarakat	
4. Membuat Jangkaan Impak dan Menilai Impak.		
i.	Mengenalpasti impak	Telah dibuat pengenalpastian impak seperti berikut: **Impak secara langsung** **Impak Positif (m/s)** **Impak Negatif (m/s)**
ii.	Membuat jangkaan impak-kaedah yang digunakan	
iii.	Menilai impak mengikut keutamaan keketaran	

5. Mitigasi		
i.	Kenalpasti strategi dan langkah mengatasi/mengurangkan impak.	
ii.	Kenalpasti impak yang tidak dapat dielak untuk dikurangkan	
iii.	Mengadakan pampasan yang saksama	

6. Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP)		
- Telah dijelaskan di ……..		
i.	Impak/proses perubahan sosial	Tidak / Telah dinyatakan secara terperinci di ……..
ii.	Keutamaan keketaraan	Tidak/Telah dijelaskan secara terperinci di ……..
iii.	*Outcome* yang perlu dicapai	Tidak/Telah dijelaskan di ……..
iv.	Langkah mitigasi	Tidak/Telah dijelaskan secara terperinci …….
v.	KPI	Telah/Tidak dijelaskan secara kuantitatif.
vi.	Pihak yang melaksanakan	Tidak/Telah dinyatakan di …….

6.0 PENUTUP

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Urusetia Jawatankuasa Penilaian Impak Sosial (SIA) di PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor).

Hubungi kami :-

Urusetia,

Jawatankuasa Penilaian Impak Sosial (SIA)

PLANMALAYSIA@Selangor

(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor)

Tingkat 15, 16, 17,18, Bangunan Darul Ehsan,

Jalan Indah, 3, Seksyen 14

40646 SHAH ALAM

No. Tel : 03-5511 6666 *Ext.* 5496 / 5499 / 5492

No. Faks : 03-5510 5051 / 03-5511 3557

PLANMalaysia@Selangor

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning : Beyond Conventional